

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini penyelidik akan membuat kesimpulan berdasarkan analisis konsonan initial yang dijalankan dalam Bab 4. Di samping itu, penyelidik juga menyentuh sedikit sebanyak dapatan sampingan yakni dapatan dalam konsonan akhiran dan nada. Seterusnya penyelidik akan menyentuh tentang implikasi kajian dan cadangan untuk kajian lanjut.

5.1 Kesimpulan

Penyelidik cuba mengulangi kajian-kajian yang dijalankan oleh Kubler dan Ho (1984), Ng (1985), Lock (1989), Yao (1989) dan S. Chen (1990). Daripada kajian ini, jelas menunjukkan wujud satu variasi *Huayu* dalam suatu kumpulan tertentu di Kuching. Kajian juga mengesahkan di tempat kajian wujud suatu fenomena yang sama dengan Taiwan dan Singapura, *Shanghai* dan *Shaoxing*, iaitu sebutan konsonan initial retrofleks [tʂ tʂ^h ʂ] tidak digunakan tetapi masing-masing digantikan dengan konsonan initial alveolar [ts ts^h s]. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan konsonan initial [ʂ] diujar sebagai frikatif palato-alveolar [ʃ]. Ujaran [ʂ] ke [ʃ] merupakan suatu kebiasaan dalam penuturan *Guoyu* di Taiwan dan *Huayu* Singapura. Kini ramai penutur di Malaysia turut menggantikan konsonan initial [ʂ] dengan [ʃ].

Dalam kajian ini, penyelidik turut mendapati sebutan konsonan initial frikatif velar [x] diujar sebagai konsonan initial frikatif labio-dental [f]. Dapatan ini adalah sama seperti yang dikaji oleh S. Chen (1990) di *Shaoxing*. Namun demikian, hanya 6.15% daripada jumlah ujaran [x] diujar sebagai [f] dalam kajian tersebut. Oleh kerana hanya sesetengah subjek kajian mengujar [x] ke [f] dan melibatkan suku kata tertentu, maka penyelidik cuba membuat kesimpulan bahawa ujaran [x] ke [f] merupakan suatu fenomena yang bersifat individu.

Di samping itu, dapatan kajian dalam ujaran konsonan initial [x] juga mengesahkan ujaran subjek kajian tidak dipengaruhi oleh dialek. Menurut Lin dan Wang (1991), konsonan initial [f] sering diujar sebagai [x] di kalangan penutur dialek Hokkien. Dialek Hokkien merupakan dialek utama kawasan kajian dan bahasa yang kerap digunakan oleh subjek kajian. Namun demikian, keadaan ini tidak wujud di kalangan subjek kajian. Ujaran [x] ke [f] adalah disebabkan mereka menganggap suku kata tertentu yang berbunyi [xu] bermula dengan konsonan initial [f].

Selain daripada ujaran [x] ke [f], ujaran konsonan initial separuh vokal [ɥ] ke [j] serta konsonan initial [p^h] ke [p] dan sebaliknya juga bersifat individu. Pandangan ini dapat diperkuuhkan dengan meninjau 2 aspek. Pertama, ujaran aspirasi [p^h] dan bibir-palatal [ɥ] bukan sesuatu bunyi yang tidak dapat diujar oleh subjek kajian. Justeru itu, penyelidik cuba merumuskan bahawa ujaran [ɥ] ke [j] dan [p^h] ke [p] adalah disebabkan mereka mempunyai anggapan yang salah terhadap sebutan sesetengah suku kata. Kedua, bukan semua subjek kajian mengujar [ɥ] ke [j] dan [p^h] ke [p] atau sebaliknya. Ini adalah kerana sesetengah subjek kajian mengetahui sebutan suku kata yang berkonsonan initial [ɥ], [p^h] dan [p] dalam *Huayu Standard*.

Kajian ini turut mengesahkan bahawa sebutan konsonan initial malaran tak bergeser retrofleks [ɿ] dalam *Huayu* Standard telah disebut dengan pelbagai cara yakni [dʒ] dan [j] apabila ia digabung dengan vokal yang berlainan.

Menurut kajian S. Chen (1990) di *Shaoxing*, konsonan initial [ɿ] diujar sebagai [l], manakala Kubler dan Ho (1985) pula mendapati konsonan initial alveolar lateral [l] diujar sebagai nasal [n] dan sebaliknya di Taiwan. Dapatan kajian mengesahkan keadaan ini tidak wujud di kalangan subjek kajian.

Selain daripada mengenalpasti hipotesis yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang telah disebut di atas, penyelidik juga mendapati konsonan initial alveolo-palatal [ɸ] diujar sebagai konsonan initial alveolar [s]. Ini adalah kerana penutur *Huayu* tempatan menganggap bunyi [s] merupakan ujaran untuk bunyi [ɸ]. Sebenarnya sebab utama wujud variasi ini adalah disebabkan daerah artikulasi alveolo-palatal [ɸ] dan alveolar [s] adalah berhampiran. Ujaran [ɸ] ke [s] merupakan suatu fenomena yang bersifat kumpulan. Penyelidik mendapati kesemua [ɸ] diujar sebagai [s], kecuali apabila ia bergabung dengan vokal [y], [y ε], [y ε · n] dan [yn].

Secara keseluruhan, kajian ke atas konsonan initial variasi *Huayu* di kawasan kajian menunjukkan wujud variasi dalam konsonan initial retrofleks [tʂ tʂʰ ʂ ɿ] dan alveolo-palatal [ɸ]. Dengan itu, penyelidik merumuskan bahawa wujud suatu variasi *Huayu* di kalangan orang-orang Cina di Bandaraya Kuching yang berumur dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun dengan latar belakang yang telah disebut dalam bab-bab yang terdahulu.

Penyelidik ingin menekankan bahawa kajian ini dijalankan dengan menggunakan *Huayu Standard* sebagai piawaian untuk menganalisa dapatan kajian. Sistem fonetik dan fonologi *Huayu Standard* adalah berlandaskan *Hanyu Pinyin* yang diperkenalkan oleh Republik Rakyat China. *Hanyu Pinyin* kini telah digunakan di seluruh dunia dalam pengajaran bahasa Mandarin Standard.

Dari segi penyuaraan, hanya konsonan initial retrofleks tak bersuara [ʂ] diujar ke konsonan initial palato-alveolar bersuara [ʐ]. Jika meninjau dari segi cara artikulasi, hanya konsonan initial malaran tak bergeser [ɿ] diujar sebagai afrikat [dʒ]. Perbezaan yang wujud di antara variasi yang dikaji dengan *Huayu Standard* ialah dari segi daerah artikulasi. Kesemua subjek kajian cuba mempermudahkan ujaran konsonan initial tertentu. Dalam proses simplifikasi, pendepan lidah ke atas daerah artikulasi tertentu sering berlaku. Ini dapat dilihat dalam ujaran konsonan initial retrofleks [ʈʂ ʈʂʰ ʂ] ke alveolar [ts tsʰ s] masing-masing, retrofleks [ʂ] ke palato-alveolar [ʐ ʃ] dan alveolo-palatal [ç] ke alveolar [s].

Satu keunikan variasi konsonan initial yang dikaji ialah ujaran retrofleks [ɿ] atau [z] ke palato-alveolar [dʒ]. Ujaran [ɿ] atau [z] ke [dʒ] tidak melibatkan pendepan artikulator. Subjek kajian telah diajar di rumah mahupun di sekolah [dʒ] adalah bunyi untuk suku kata yang berkonsonan initial [ɿ] atau [z]. Memandangkan bunyi [ɿ] mempunyai 2 ujaran standard, penyelidik cuba meninjau faktor-faktor kewujudan variasi [dʒ] ini dari 2 aspek. Pertama, subjek kajian mempermudahkan bunyi [z] ke [dʒ] yang tidak melibatkan penggulungan lidah. Kedua, [dʒ] telah diujar dari generasi ke generasi, maka ia telah menjadi suatu kebiasaan dalam penuturan *Huayu* orang-

orang Cina tempatan. Di samping bunyi [dʒ], sebutan standard [L] turut diujar oleh subjek kajian disebabkan pengaruh media massa dan juga pendedahan kepada dunia luar.

Penyelidik adalah penutur asli (native speaker) variasi yang dikaji, bunyi [dʒ] turut diujar dalam penuturan harian di kawasan kajian kerana persamaan bahasa dapat merapatkan hubungan di antara penutur. Namun demikian, penyelidik tidak mengujar [dʒ] di luar kawasan kajian, memandangkan komuniti lain tidak menggunakan variasi tersebut. Oleh itu, persekitaran dan persamaan bahasa merupakan faktor utama ujaran [dʒ] di kawasan kajian.

Secara keseluruhannya, penyelidik ingin menekankan bahawa variasi *Huayu* yang wujud di Kuching merupakan suatu variasi yang telah menjadi lingua franca di kawasan berkenaan. Walaupun variasi ini berbeza dengan *Huayu* Standard dari segi ujaran, tetapi ia tidak boleh dianggap sebagai suatu variasi yang tidak baik atau tidak standard. Variasi ini boleh dikatakan standard di kawasan berkenaan. Penyelidik juga ingin menegaskan bahawa variasi ini akan berubah mengikut peraliran masa. Pengaruh media massa dan pendedahan kepada dunia luar akan mengubah cara ujaran individu dan kumpulan tertentu.

5.2 Implikasi Kajian

Terdapat dua kumpulan variasi dilakukan oleh subjek kajian iaitu variasi yang bersifat kumpulan dan individu. Sesuatu variasi dikatakan bersifat kumpulan memandangkan variasi ini diujar oleh kesemua subjek kajian yang dapat mewakili golongan penutur

Huayu dalam lingkungan umur 30 hingga 39 tahun di kawasan kajian. Sementara itu, sesuatu variasi dikatakan bersifat individu kerana ia hanya melibatkan sesetengah individu yang mempunyai salah anggapan terhadap sebutan suku kata tertentu. Salah anggap atau tidak tahu sebutan suku kata tertentu adalah sesuatu perkara lumrah bagi penutur bahasa Mandarin. Ini adalah kerana terdapat 2,500 lambang logografik yang kerap digunakan dan 1,000 lambang yang kurang digunakan dalam bahasa tersebut. Oleh itu, adalah sukar untuk seseorang mengingatkan beribu-ribu lambang logografik dan bunyi.

Tabiat penutur memperlihatkan kecenderungan ke arah simplifikasi ujaran sesuatu bunyi. Penutur berasa selesa dengan bunyi-bunyi yang telah dipermudahkan. Penutur juga menunjukkan kecenderungan ke arah penuturan *Huayu* yang lebih standard memandangkan mereka cuba menguar bunyi [ɿ] dalam *Huayu* Standard di samping variasi tempatan [dʒ]. Ini juga membuktikan bahawa penutur sedar mereka menggunakan satu variasi *Huayu* yang berbeza daripada *Huayu* Standard, tetapi kesedaran tersebut adalah terhad kepada sesetengah sebutan sahaja. Lantaran itu, kesedaran yang menyeluruh amat diperlukan dalam usaha menstandardkan *Huayu* penutur tempatan.

Kajian ini menunjukkan bahawa kekurangan dari segi pengajaran sistem fonetik *Huayu* iaitu *Zhuyin Fuhao* pada zaman persekolahan subjek kajian. Kekurangan ini telah mempengaruhi corak penuturan *Huayu* mereka yang berbeza dengan *Huayu* Standard. Penuturan *Huayu* Standard tidak ditekankan oleh para pengajar dan ibu bapa. Tambahan pula, penutur tersebut kurang terdedah kepada *Huayu* Standard.

Pendedahan mereka terhadap *Huayu* Standard hanya terhad kepada radio dan televisyen, sedangkan rancangan dalam bahasa berkenaan adalah begitu terhad. Justeru itu, penglibatan kerajaan adalah penting untuk mempromosikan pertuturan *Huayu* Standard.

Usaha untuk mempromosikan *Huayu* Standard telah dijalankan dengan giat sejak 1980an oleh masyarakat Cina di Malaysia. Penekanan terhadap pertuturan *Huayu* Standard di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah bermula pada tahun 1984 apabila *Hanyu Pinyin* pertama kali dimasukkan dalam pengajaran *Huayu* di sekolah rendah aliran Cina. Masalah kekurangan penekanan dapat diatasi dengan usaha pengajar *Huayu*. Namun demikian, usaha ini mungkin hanya mendatangkan hasil di kalangan pelajar-pelajar yang mengikut kurikulum baru tersebut iaitu kumpulan penutur di bawah umur 25 tahun. Bagi kumpulan penutur yang berusia 25 ke atas, media massa memainkan peranan yang penting untuk menyalurkan kesedaran dan galakan pertuturan bahasa standard berkenaan.

Penyelidik mencadangkan bahawa usaha mempromosikan *Huayu* Standard dapat dipergiatkan lagi melalui penyiaran rancangan televisyen dalam bahasa standard berkenaan. Kini kebanyakan rancangan bahasa Cina di televisyen sebenarnya adalah rancangan kantonis. Ini adalah disebabkan oleh faktor komersial memandangkan para penaja lebih berminat untuk menaja rancangan kantonis. Faktor ini telah meningkatkan kepopularan dialek kantonis dalam masa yang begitu singkat. Sekiranya usaha ini digunakan untuk mempromosikan *Huayu* Standard, sudah pasti populariti bahasa tersebut dapat dipertingkatkan dengan cepat.

5.3 Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya

Kajian ini telah membuka laluan untuk beberapa kajian lanjut seperti:

- (a) Meneruskan kajian sedemikian dengan saiz subjek yang lebih besar untuk mengesahkan dapatan kajian ini.
- (b) Meneruskan kajian sedemikian di kalangan kaum Cina yang terdiri daripada lapisan lain. Kajian sedemikian dapat membantu memastikan kekonsistenan dan kesahihan dapatan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.
- (c) Mengulangi kajian sedemikian di kalangan kaum Cina dengan lingkungan umur yang berlainan untuk memperlihatkan kekonsistenan dan kesahihan dapatan kajian ini di antara dua kumpulan umur yang berbeza.
- (d) Membandingkan variasi *Huayu* di dua tempat yang berlainan di Malaysia.
- (e) Meneruskan kajian sedemikian ke atas vokal, konsonan akhiran dan nada dalam *Huayu* tempatan.